

30/06/1997

Agensi tidak peka masalah rakyat ditegur

IPOH, Ahad - Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik menegur sikap sesetengah kementerian, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) kerana tidak peka dengan masalah rakyat.

Menurutnya, ketidakpekaan itu menyebabkan agensi terbabit gagal menunaikan tuntutan atau keperluan asas kepada rakyat sehingga menyebabkan ada antara mereka tidak berpuas hati dengan kerajaan.

Beliau yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, dasar yang dibawa oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Malaysia muncul sebagai negara maju tidak akan bermakna jika tidak mendapat sokongan agensi kerajaan yang menjadi jentera pelaksana.

"Walaupun rakyat menyokong dan menyanjung tinggi pembaharuan yang dibawa Dr Mahathir, mereka tidak berpuas hati dengan kerajaan kerana kegagalan agensi kerajaan, termasuk PBT menyelesaikan masalah mereka.

"Sebagai contoh, kelewatan agensi mengeluarkan lesen sehingga mengambil masa tiga tahun dan lewat memberikan hak milik tanah menyebabkan rakyat tidak berpuas hati.

"Sehubungan itu, pentadbiran kerajaan, terutama yang menyediakan perkhidmatan kaunter perlu meningkatkan keberkesanan tugas mereka," katanya selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Gerakan Perak di sini, hari ini.

Menurutnya, agensi kerajaan, termasuk Pejabat Tanah, Jabatan Imigresen dan jabatan yang banyak berhubung terus dengan orang ramai perlu meningkatkan perkhidmatan mereka.

Katanya, agensi kerajaan perlu melaksanakan tugas mereka dengan bersih, cekap dan amanah agar masalah rakyat dapat diselesaikan.

Beliau menegaskan teguran itu bukan bertujuan mengkritik jabatan tertentu, sebaliknya mengingatkan mereka agar melaksanakan tugas dengan adil dan saksama untuk faedah rakyat.

Dr Lim juga berkata, agensi kerajaan perlu memberikan peluang yang sama kepada rakyat, terutama mereka yang ketinggalan kerana tidak mampu merebut peluang yang tersedia.

"Dalam memastikan keadilan sosial tercapai, kita perlu menentukan semua lapisan masyarakat tidak terlepas daripada mengambil peluang dalam arus perdana, misalnya menyediakan peluang pendidikan, program sosial dan latihan kemahiran supaya mereka boleh meningkatkan taraf hidup," katanya.

(END)